

17 FEB 1999

Sabah-Pairin

CALON PBS METERAI PERJANJIAN ELAK LOMPAT PARTI

KOTA KINABALU, 17 Feb (Bernama) -- Semua calon Parti Bersatu Sabah (PBS) pada pilihan raya kali ini dimestikan menandatangani perjanjian untuk tidak melompat ke parti lain bagi mengelak kejadian 1994 yang menyebabkan kerajaan pimpinan parti itu tumbang hanya selepas tiga minggu.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata dengan perjanjian itu, calon-calon PBS bukan saja bersumpah kepada parti tetapi juga bersumpah kepada pengundi.

"Mereka yang menang dan melompat ke parti lain bukan sahaja derhaka kepada PBS tetapi juga kepada pengundi, dan pengundi berhak mendesak mereka mengosongkan kerusi yang dimenangi supaya pilihan raya kecil boleh diadakan," katanya kepada pemberita di majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran PBS di sini.

Ini ialah antara langkah yang diambil oleh PBS untuk memastikan kejadian meninggalkan parti tidak berulang, kata bekas ketua menteri itu.

Pada pilihan raya 1994, PBS memenangi 25 daripada 48 kerusi yang membolehkannya menubuhkan kerajaan. Bagaimanapun, kerajaan PBS itu bertahan hanya 22 hari kerana sebahagian besar daripada anggota yang menang meninggalkan parti itu bagi menganggotai Barisan Nasional sama ada dengan menubuhkan parti baru atau menyertai Umno atau MCA.

PBS kini diwakili hanya empat anggota termasuk Pairin manakala BN mempunyai 43 dan Bebas seorang.

Pairin berkata pengundi Sabah tidak akan berdiam diri lagi kali ini jika calon yang mereka pilih melompat ke parti lain.

Beliau mengulangi keyakinannya bahawa PBS akan kembali memerintah selepas pilihan raya ini yang dijadual diadakan pada bila-bila masa sekarang.

Pairin berkata keyakinan beliau itu berdasarkan rungutan penduduk negeri ini terhadap pentadbiran BN terutama mengenai sistem penggiliran Ketua Menteri.

Katanya penduduk Sabah sedar bahawa sistem itu tidak menguntungkan negeri dan rakyat tetapi hanya segelintir orang tertentu.

"Penduduk Sabah menanti dengan sabar selama lima tahun untuk menolak sistem ini, dan kali ini pengundi akan membuktikannya," katanya.

Pairin berkata jika PBS diberi mandat pada pilihan raya ini, sistem penggiliran Ketua Menteri akan dimansuhkan.

Mengenai lawatan tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di negeri mulai Khamis ini, Pairin berkata: "Apa yang saya benar-benar berharap, Perdana Menteri dapat memberi jaminan bahawa pilihan raya kali ini berjalan secara bersih dan mengikut undang-undang dan perlembagaan negara."

"Kita (PBS) tidak mahu melihat penduduk negeri ini dan generasi mereka menderita kerana permainan politik," katanya.

Pada majlis itu, Pairin berkata beliau berharap rakyat tidak mudah dipengaruhi janji yang ditaburkan oleh parti-parti politik yang akan bertanding pada pilihan raya ini.

"Jangan jadi macam ikan, silap makan umpan pasti kena goreng," kata Pairin yang berucap dalam bahasa Kadazandusun, Cina dan Bahasa Malaysia dan Inggeris.

BERNAMA

SJA MAI